



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR (NRE)

MAJLIS PECAH TANAH RANCANGAN MEMULIHKAN KORIDOR SUNGAI (RMKS), BATANG KAYAN DI PEKAN LUNDU, LEMBANGAN BATANG KAYAN, BAHAGIAN KUCHING, SARAWAK (FASA 1A)

7 JANUARI 2017 (SABTU)

YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Haji Adenan Bin Haji Satem, Ketua Menteri Sarawak telah menyempurnakan perasmian Majlis Pecah Tanah Projek Rancangan Memulihkan Koridor Sungai (RMKS) Batang Kayan di Tebingan Pekan Lundu, Kuching Sarawak hari ini.

Turut hadir di majlis berkenaan ialah YB. Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar, Menteri Sumber Asli Dan Alam Sekitar, Dato' Sri Ir. Hj. Zulkefli Bin Hassan Ketua Pengarah, Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia (JPS), Encik Chok Moi Soon, Pengarah Jabatan Pengairan Dan Saliran Sarawak dan Ketua-Ketua Jabatan serta Agensi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE).

Projek tersebut merupakan sambungan projek yang telah siap dilaksanakan di bawah RMK-10 dengan kos sebanyak RM4 juta dan telah siap pada Disember 2013. Sambungan projek ini yang melibatkan pembinaan struktur perlindungan hakisan koridor sungai di Batang Kayan di hadapan pejabat Majlis Daerah Lundu untuk mengelakkan hakisan di Pekan Lundu.

Projek Fasa satu (1) dengan kos sebanyak RM6.8 juta bermula pada 3 Januari 2017 dan ianya dijangka siap pada 2 Julai 2018 dengan tempoh siap kerja 18 bulan. Projek ini bertujuan untuk melindungi masalah hakisan di tebingan Batang Kayan di Pekan Lundu yang merangkumi pembinaan *Riverwall*, laluan pejalan kaki serta tangga konkrit dan parit konkrit.

Dua (2) projek lain yang bakal dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Sarawak di Sematan ialah Projek Pemuliharaan Muara Sungai Sematan, Bahagian Kuching dan Projek Pengawalan Hakisan Pantai di Pekan Sematan.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi :

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Sumber Asli dan Alam sekitar (NRE)
Putrajaya
No Tel : 03 8886 1052/1585 atau 019-3042168

Jabatan Pengairan Dan Saliran Sarawak
Ir. Jamesy Mijek
Tel:+6082-426449, Fax: +6082-245284
jamesym@sarawak.gov.my